


FAMA

Laporan Tahunan

82



KANDUNGAN**MUKASURAT**

Perutusan Pengerusi FAMA	1
Ahli-ahli Lembaga	3
Senarai Pegawai-pegawai Kanan FAMA 1982	4
Luang Pasaran (Urusniaga Komoditi)	5
Perisik Pasaran	7
Pendidikan Pasaran	8
Galakan Pasaran	9
Kawalan Pasaran	11
Pembangunan Infrastruktur Pemasaran	13
Pentadbiran	15
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-kira Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Bagi Tahun Berakhir Pada 31hb. Disember, 1982	Lampiran I
Penyata-penyata Kewangan FAMA Bagi Tahun 1982	Lampiran II
Nota-nota Kepada Akaun-akaun 31hb. Disember 1982	Lampiran III

Perutusan Pengerusi



Pada tahun 1982 FAMA telah mempergiatkan lagi perkhidmatan-perkhidmatan pemasaran melalui kegiatan urusanniaga dan khidmat sokongan pemasaran kepada kaum petani terutamanya di dalam mengadakan ruang pasaran tambahan, supaya hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani dapat dipasarkan dengan memuaskan.

Di bawah kegiatan urusanniaga secara terus, jumlah belian hasil pertanian oleh FAMA dalam tahun ini adalah berjumlah \$22.63 juta di seluruh negara. Jumlah ini adalah 42.14% lebih tinggi dibandingkan dengan jumlah belian pada tahun 1981. Penglibatan FAMA dalam aktiviti urusanniaga ini telah memberikan faedah kepada kaum petani secara langsung dan tidak langsung. Secara langsung aktiviti urusanniaga ini telah memberi faedah kepada sejumlah kaum petani yang melibatkan pembelian hasil pertanian terhadap 2,253 keluarga petani penanam sayur-sayuran, 1,336 keluarga petani buah-buahan, 11,600 keluarga petani kacang tanah, 1,000 pekebun-pekebun kecil kelapa dan 1,454 penternak-penternak ayam. Selain daripada itu FAMA dapat mengwujudkan unsur-unsur persaingan di kalangan perantara-perantara pasaran. Oleh yang demikian ini telah memberi faedah secara tidak langsung kepada petani-petani melalui peningkatan dan kestabilan harga untuk hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani.

Di bawah aktiviti urusanniaga ini, FAMA juga telah merancang untuk memperluaskan ruang pasaran hasil-hasil pertanian terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan di pasaran luar negeri seperti di pasaran jiran iaitu Singapura. Pada tahun yang berkenaan FAMA dapat bekerjasama dengan satu badan pemasaran Kerajaan Singapura untuk menembusi pasaran di Singapura.

Oleh kerana FAMA telah diarahkan untuk menyerapkan kegiatan-kegiatan pemasaran hasil ternakan berikutan daripada penutupan MAJUTERNAK, FAMA telah juga diarahkan oleh pihak Kementerian Pertanian untuk melaksanakan skim subsidi susu kepada penternak lembu susu. Skim subsidi ini dimulakan pada bulan Ogos, 1982. Sehingga akhir tahun 1982,

FAMA telah membayar subsidi susu berjumlah \$121,403.46. Adalah dianggarkan sejumlah 4,760 orang penternak lembu susu telah mendapat manafaat daripada skim ini.

Oleh kerana pasaran kopi di antarabangsa masih merosot pada tahun 1982, FAMA telah meneruskan skim subsidi untuk kopi dengan membeli sejumlah \$3.61 juta daripada petani-petani di Negeri Selangor dan Johor. Penglibatan FAMA di dalam skim operasi subsidi kopi ini telah memberi faedah secara terus kepada 2,510 petani-petani di kedua-dua negeri yang berkenaan.

Selain daripada aktiviti urusniaga yang memastikan bahawa hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh kaum petani dapat di pasaran, FAMA juga melaksanakan beberapa aktiviti-aktiviti lain yang juga dapat membantu petani-petani sama ada dalam proses perancangan pengeluaran hasil-hasil pertanian atau pun dalam proses membuat keputusan untuk menjual serta memproses hasil-hasil pertanian tersebut.

Di antaranya ialah dengan menyediakan maklumat-maklumat pasaran yang boleh digunakan oleh kaum petani serta pihak industri dalam perancangan mereka. Selain daripada itu bagi tujuan mengadakan satu asas yang dapat digunakan di dalam kerja-kerja menganggarkan potensi pasaran, FAMA juga telah menjalankan satu kajian penggunaan isi rumah pada tahun 1982 ini.

Sebagai langkah untuk mendidik kaum petani dalam proses menyediakan hasil-hasil mereka untuk pasaran termasuk cara-cara memproses hasil-hasil pertanian, FAMA telah menjalankan sejumlah 50 kursus sepanjang tahun di mana dianggarkan sebanyak 1,500 orang petani yang telah mendapat faedah daripada kursus ini. Jumlah kursus yang dilaksanakan pada tahun 1982 adalah 39 kali melebihi daripada jumlah yang dijalankan pada tahun 1981.

Untuk menggalakkan dan memperkenalkan hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh negara ini ke pasaran luar negeri, FAMA telah mengambil bahagian dalam rombongan perdagangan ke beberapa

negara termasuk Asia Barat, Egypt, Greece, Iraq, Jepun serta Korea. Daripada aktiviti-aktiviti ini FAMA telah mendapati bahawa di negara-negara yang berkenaan prospek pasaran untuk lada hitam/putih, koko dan kopi adalah baik. Semua pertanyaan yang diterima daripada negara-negara tersebut telahpun diedarkan kepada pihak-pihak yang ingin mengeksport hasil-hasil yang berkenaan kepada negara-negara yang terlibat termasuk organisasi-organisasi yang mewakili kaum petani seperti NAFAS.

Bagi tujuan untuk memperkenalkan koko yang dikeluarkan oleh negara ini di pasaran luar negeri, FAMA telah berusaha dalam kerja-kerja persediaan untuk melaksanakan skim menggedd dan mengesah koko.

Sebagai langkah untuk mendorong dan meningkatkan kemahiran serta kebolehan-kebolehan pegawai-pegawai dan kakitangan FAMA, pihak pengurusan telah mengadakan latihan-latihan untuk pegawai-pegawai dan kakitangan yang berkenaan. Sepanjang tahun 1982 seramai 15 orang daripada kumpulan A, 302 orang daripada kumpulan B, 404 orang daripada kumpulan C dan 113 daripada kumpulan D telah dihantar untuk latihan serta kursus.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak pengurusan yang telah berusaha untuk melaksanakan beberapa program supaya perkhidmatan-perkhidmatan pemasaran dapat diberi kepada kaum petani dan juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga, pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada saya selama setahun ini dalam menjalankan tugas-tugas saya sebagai Pengerusi Lembaga.



Y.B. Encik Shamsuri bin Md. Saleh,
AMN, PKT, JP.

Ahli-Ahli Lembaga

Y.B. Encik Shamsuri bin Md. Salleh
AMN, PKT, JP
Pengerusi FAMA

Tuan Haji Hariri bin Abu Taif
KMN, PJK, BSK
Ketua Pengarah FAMA

Encik Amiruddin bin Abdullah
Wakil Perbendaharaan Malaysia

Encik Mohd. Nordin bin Hassan
Wakil Kementerian Perdagangan dan
Perindustrian

Puan Jaazah bt. Jaafar
Wakil Kementerian Pertanian

Encik Mohd. Yusuf bin Basir
Wakil Kementerian Perusahaan Utama

Encik Mohd. Adzib bin Mohd. Isa
Wakil Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri

**Y.B. Tuan Hj. Mohd. Salleh bin
Kasmin**

**Y.B. Encik Wan Mohd. Najib bin Wan
Mohamad**

Encik Abd. Rahim bin Baba

Encik Mohd. Mazlan bin Idris

Senarai Pegawai Kanan FAMA 1982

KETUA PENGARAH

Tuan Haji Hariri bin Abu Taif
KMN, PJK, BSK

PENGARAH BAHAGIAN PENTADBIRAN KEWANGAN DAN KEJURUTERAAN

En. Abu Bakar bin Abdul Hamid

PENGARAH BAHAGIAN PERANCANG DAN PENILAIAN

En. Mamat bin Salleh

PENGARAH BAHAGIAN PERISIK DAN KEMAJUAN PASARAN

En. Wong Chi Nang

PENGARAH BAHAGIAN PEMASARAN I

En. Tang Loon Boon

PENGARAH BAHAGIAN PEMASARAN II

En. Ragavan Nair

PENGARAH BAHAGIAN PEMASARAN III

En. Low Wan Kim

Luang Pasaran (Urusniaga Komoditi)

Di bawah program Luang Pasaran ini, aktiviti utama yang dikendalikan oleh FAMA ialah aktiviti urusniaga secara terus. Aktiviti ini adalah bertujuan bagi menambahkan luang pasaran hasil pertanian petani-petani dengan cara FAMA melibatkan terus dalam kegiatan jualbeli. Penglibatan FAMA dalam aktiviti jualbeli ini juga akan membolehkan petani-petani menggunakan harga yang ditawarkan oleh FAMA sebagai rujukan harga bandingan. Pembelian hasil-hasil pertanian oleh FAMA adalah mengikut keadaan harga pasaran semasa yang berlandaskan kepada asas-asas persekitaran perniagaan kecuai, di dalam keadaan pasaran merosot di mana memerlukan harga sokongan belian, maka FAMA diarahkan untuk melaksanakan program berkenaan atas kelulusan oleh pihak Kementerian Pertanian. Dalam tahun 1982, aktiviti urusniaga dikendalikan oleh 11 buah Pejabat-pejabat FAMA Negeri, 78 buah Pejabat-pejabat FAMA Daerah dan Wilayah, 10 buah Pusat Memproses Kelapa Kering, 14 buah Kompleks Bilik Sejuk, 17 buah Pusat Pemasaran Hasil Pertanian, sebuah Pusat Memproses Koko dan Pusat Memproses Kacang Tanah serta Pusat Memproses Kopi. Jumlah hasil pertanian yang dikendalikan oleh FAMA dalam aktiviti pembelian ini adalah bernilai \$22.63 juta (tidak termasuk subsidi kopi dan susu). Dibandingkan dengan tahun 1981 jumlah ini telah meningkat sebanyak 42.14%. Kemajuan aktiviti pembelian oleh FAMA semenjak daripada tahun 1973 ditunjukkan dalam carta I.

Daripada jumlah pembelian sebanyak \$22.63 juta ini sejumlah \$17.67 juta adalah dikendalikan oleh pusat-pusat pembelian FAMA yang terdiri daripada Pejabat-pejabat FAMA, Pusat-pusat Pemasaran Hasil Pertanian dan Kompleks Bilik Sejuk. Manakala sejumlah \$4.96 juta adalah dikendalikan oleh Pusat Memproses FAMA seperti Pusat memproses


Kelapa Kering dan Kilang-kilang FAMA. Kemajuan urusniaga oleh saluran-saluran ini ditunjukkan di dalam carta II. Komoditi utama yang dikendalikan oleh FAMA di dalam aktiviti pembelian merangkumi komoditi sayur-sayuran, buah-buahan, kacang tanah, koko, kopi, kelapa kering, ayam dan telur itik/ ayam serta lain-lain tanaman seperti tebu dan ubikayu.

Dalam tahun 1982, FAMA telah diarahkan oleh pihak Kementerian Pertanian bagi melaksanakan Skim Subsidi Susu kepada penternak lembu susu. Skim ini telah dilaksanakan bermula daripada Ogos 1982 di mana dalam tempoh ini (Ogos – Disember 1982) FAMA telah membayar sejumlah \$121,403.46 subsidi susu. Adalah dianggarkan sejumlah 4,760 orang penternak lembu susu mendapat faedah daripada skim ini. Skim operasi subsidi kopi yang dijalankan dalam tahun 1981 masih diteruskan dalam tahun 1982 ini. Dalam tahun ini, FAMA telah membeli sejumlah \$3.61 juta biji kopi daripada petani-petani di Selangor dan Johor melalui Skim Operasi Subsidi ini. Penglibatan FAMA di dalam Skim Operasi Subsidi Kopi ini memberi faedah secara terus kepada sejumlah 2,510 orang petani di Johor dan Selangor.


Penglibatan FAMA dalam aktiviti urusniaga secara terus ini telah memberikan faedah kepada sejumlah petani yang merangkumi 2,253 keluarga petani penanam sayur-sayuran, 1,336 petani-petani buah-buahan, 11,600 petani-petani kacang tanah yang kebanyakannya di negeri Kelantan dan Trengganu, 1,000 pekebun-pekebun kecil kelapa dan 1,454 penternak-penternak ayam. Penglibatan FAMA di dalam aktiviti ini juga telah dapat mewujudkan unsur-unsur persaingan di kalangan perantara-perantara pemasaran. Oleh yang demikian, ini telah memberi faedah secara tidak langsung kepada petani-petani melalui peningkatan dan penstabilan harga hasil-hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani berkenaan. Sebagai contoh, penglibatan FAMA di dalam urusniaga kacang tanah telah dapat meningkatkan paras harga hasil berkenaan kepada \$94.25/pikul bagi kacang tanah gred A.

Dalam tahun 1982, FAMA juga telah merancang dan mengadakan aktiviti-aktiviti memperluaskan luang pasaran hasil pertanian melalui penembusan

CARTA I: KEMAJUAN URUSNIAGA (BELIAN) FAMA 1973 – 1982



CARTA II: KEMAJUAN URUSNIAGA KOMODITI 1973 – 1982



hasil-hasil berkenaan ke pasaran luar negeri. Berikutan daripada itu dalam tahun 1982, FAMA telah berjaya mengadakan percubaan penghantaran ke pasaran Singapura bagi komoditi sayur-sayuran dan buah-buahan melalui kerjasama dengan agensi pemasaran negara berkenaan iaitu, Primary Industries Enterprise (PIE).



Perisik Pasaran

Sepanjang tahun 1982, aktiviti Perisik Pasaran adalah meliputi kegiatan-kegiatan mengutip, mengumpul, menganalisa, mengkaji dan menyebarkan semua maklumat yang berhubung dengan pengeluaran dan pemasaran bagi seluruh peringkat barangan pertanian di bawah bidang kuasa Lembaga.

Di bawah aktiviti pengumpulan, pusat-pusat kutipan harga dan lain-lain maklumat telah diperluaskan daripada 52 pusat kepada 85 pusat iaitu 42 buah pusat pengeluaran harga ladang sayur dan buah-buahan, 25 buah pusat bandar kecil harga borong dan runcit, 12 buah pusat borong dan runcit dan 6 buah pusat pasaran terminal bagi koko, kopi dan kelapa.

Maklumat-maklumat harga yang dikumpul di analisa, disebar dan disimpan di dalam komputer. Analisa-analisa harga telah diterbitkan dalam bentuk laporan harga mingguan, laporan Barangan Mingguan, laporan Barangan Bulanan, Monthly Commodity Extract dan Kajian Harga Barangan Terpilih. Di samping itu dalam tahun ini kerja-kerja pengumpulan dan penerbitan Laporan Barangan Tahunan juga dilakukan dan diterbitkan dalam bentuk Warta Barangan dan Harga Barangan Pertanian.

Laporan-laporan yang tersebut di atas diterbitkan sebanyak 8,500 naskah Laporan Barangan Mingguan, 6,000 naskah Laporan Barangan Bulanan, 6,000 naskah Warta Barangan, 6,000 naskah Harga Tahunan Barangan Pertanian dan 7,000 naskah Potensi Pasaran. Semua laporan disebar kepada sesiapa yang mempunyai kepentingan dalam sektor pertanian.

Maklumat harga pasaran telah disebar melalui daftar mel, radio dan suratkhbar. Sebanyak 8,000 nama telah dimasukkan di bawah senarai penerima laporan mingguan. Melalui radio pula maklumat harga disiarkan seminggu sekali di rangkaian nasional, dua kali seminggu di stesen-stesen kawasan dan tiap-tiap hari melalui Radio Malaysia Ibu Kota. Sementara itu



pihak akhbar juga telah memberikan ruang khas harian bagi harga koko, kopi dan kelapa. Adalah dianggarkan sejumlah 100,000 keluarga tani mendapat faedah dari aktiviti ini.

Dalam tahun ini juga FAMA telah menjalankan kajian mengenai kos pengeluaran bagi semua hasil pertanian dan kajian jidar pemasaran, mengesan pengeluaran buah-buahan bermusim dan sayur-sayuran dengan meliputi keseluruhan daerah di negara ini. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui keadaan pasaran bagi maksud operasi perniagaan FAMA dan sebagai rujukan kepada industri. Di samping itu juga dalam bulan Mei FAMA telah menjalankan kajian penggunaan isirumah. Kajian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat penggunaan isirumah ke atas barang-barang seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, telur dan daging berdasarkan kepada kawasan, pendapatan dan kumpulan etnik. Kajian isirumah ini juga akan dapat membantu dalam penyediaan dasar dan perancangan penggunaan yang diperlukan oleh Kementerian, Lembaga dan agensi-agensis pengeluar. Kajian ini dijalankan ke atas 5,000 sampel isirumah.

Pada keseluruhannya aktiviti-aktiviti Perisik Pasaran telah dapat meningkatkan pengetahuan petani-petani terhadap kepentingan maklumat-maklumat pasaran yang disebar.

Pendidikan Pasaran

Program Pendidikan Pasaran yang dikendalikan oleh FAMA adalah bertujuan untuk membantu petani-petani bagi mendapatkan maklumat-maklumat pemasaran semasa dan melatih mereka mengenai pemasaran hasil-hasil pertanian. Dengan cara ini ianya boleh mendorong petani-petani khususnya petani-petani di luar bandar berusaha untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka sendiri, mengamalkan teknik bagi mengurangkan kerosakan-kerosakan hasil-hasil pertanian, mempraktik amalan-amalan supaya hasil-hasil pertanian mereka dapat ditingkatkan mutu dan nilai ditambah, serta mengamalkan amalan-amalan lepas tuai yang lebih baik. Seterusnya program ini juga dapat meningkatkan kefahaman petani khususnya petani-petani di luar bandar tentang penggunaan maklumat-maklumat pasaran semasa serta perkhidmatan projek-projek pembangunan FAMA seperti bilik sejuk, pusat-pusat memproses, pusat-pusat pemasaran hasil-hasil pertanian dan sebagainya. Sepanjang tahun 1982, sebagai saluran maklumat-maklumat pasaran semasa kepada petani-petani dan juga orang awam FAMA telah menyertai sebanyak 39 pameran di seluruh negeri. Ini adalah meliputi 28 pameran diperingkat daerah, 9 pameran diperingkat negeri dan 2 pameran diperingkat kebangsaan.



Selain daripada itu, FAMA juga mengadakan ceramah-ceramah dan dialog-dialog yang bertujuan bagi membantu petani-petani tentang kesiediaan projek-projek FAMA, dalam

menyelesaikan masalah-masalah pemasaran yang timbul serta kemudahan yang ditawarkan oleh FAMA. Ceramah-ceramah dan dialog-dialog ini telah diadakan di pusat-pusat pemasaran hasil pertanian, pusat-pusat memproses kelapa kering, kompleks bilik sejuk, pusat-pusat memproses koko, dewan perhimpunan orang ramai dan lain-lain tempat tumpuan orang ramai. Adalah dianggarkan sebanyak 8,250 orang petani telah mendapat faedah daripada aktiviti ini.

Dalam tahun 1982, program latihan dan kursus ditingkatkan lagi daripada tahun yang lalu. Jumlah latihan dan kursus yang telah dilaksanakan oleh FAMA di seluruh negeri pada tahun 1982 adalah berjumlah 50 kali, kursus ini meliputi negeri-negeri Pahang, Selangor, Perak, Kelantan, Sarawak, Johor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Melaka. Kebanyakan kursus dan latihan yang diberikan oleh FAMA ini adalah berkaitan dengan cara-cara memproses dan menggedar koko supaya petani-petani dapat menghasilkan mutu koko yang bermutu dan berkualiti. Dibandingkan dengan tahun 1981, jumlah kursus ini telah bertambah sebanyak 39 kali, dan dianggarkan bilangan petani yang mendapat faedah daripada kursus ini adalah berjumlah 1,500 orang di seluruh negeri-negeri berkenaan. Satu lagi kegiatan di bawah Pendidikan Pasaran ialah mengedar risalah pemasaran kepada petani-petani dengan percuma. Risalah-risalah ini diedarkan kepada petani-petani dan orang ramai di tempat-tempat seperti di pameran-pameran, pesta-pesta yang telah FAMA sertai, di tempat-tempat ceramah dan dialog dan semasa kursus diadakan dan lain-lain tempat. Dalam tahun ini sejumlah 10,000 risalah fungsi pusat pemasaran hasil-hasil pertanian, 10,000 risalah fungsi FAMA dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dikeluarkan. Sebagai satu lagi strategi untuk menyampaikan hasil-hasil pemasaran melalui Pendidikan Pasaran ini secara cepat dan berkesan, FAMA telah mengadakan sistem alat pandang dengar (Audio Visual Aids) untuk ditayangkan dan disebarikan kepada petani-petani dan orang awam. Dalam tahun 1982, slide-slide yang telah dikeluarkan adalah meliputi slide hasil-hasil pertanian yang dikendalikan oleh FAMA dan juga carta-carta serta gambar-gambar tentang cara-cara pemasaran telah ditayangkan dan disebarikan kepada petani-petani.

Galakan Pasaran

Aktiviti Galakan Pasaran adalah bertujuan untuk memperluaskan dan menambahkan ruang-ruang pasaran di samping mempelbagaikan penggunaan hasil-hasil pertanian di dalam dan di luar negeri. Bagi aktiviti Galakan Pasaran dalam negeri beberapa kempen menggalakkan penggunaan dikalangan pengguna telah diadakan. Ini adalah meliputi aktiviti memperkenalkan barangan dan memperluaskan pasaran melalui 'in store promotion', penyebaran sampel, jualan dengan harga diskaun dan harga istimewa, pengiklanan-pengiklanan melalui poster dan slide tayangan filem rencana di RTM serta lain-lain aktiviti yang bertujuan menambahkan ruang pasaran bagi sesuatu komoditi serta memberi maklumat kepada pengguna-pengguna. Komoditi yang telah digalakkan dalam tahun ini ialah ayam (beku dan segar), kacang tanah (menglembu dan kering) dan serbuk kopi. Bagi tujuan menambahkan jualan hasil-hasil pertanian FAMA juga telah mengadakan pemarkahan di dalam sistem pembungkusan label dan rekabentuk bagi komoditi-komoditi tersebut.

Galakan diperingkat luar negeri yang dijalankan oleh FAMA adalah melalui penyertaan FAMA dalam rombongan dan pertunjukan perdagangan yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau rombongan yang dikendalikan oleh FAMA sendiri. Negara-negara yang telah dilawati sepanjang tahun 1982 adalah seperti berikut:-

- (i) Rombongan perdagangan ke negara-negara Asia Barat (Oman, Jeddah, Hodeidah, Dubai dan Abu Dhabi) yang bermula pada 18hb. Mac, 1982 hingga 3hb. April, 1982;
- (ii) Rombongan perdagangan ke Egypt dan Greece serta rombongan dan Pertunjukan Perdagangan di Vienna, Austria yang bermula daripada 28hb. Ogos, 1982 hingga 20hb. September, 1982;
- (iii) Rombongan perdagangan ke Jepun dan Korea pada bulan Ogos;
- (iv) Pertunjukan Perdagangan Antarabangsa di Baghdad yang bermula pada 1hb. Oktober, 1982 hingga 15hb. Oktober, 1982.

FAMA juga mengiklankan komoditi-komoditi kendaliannya melalui majalah-majalah dan akhbar-akhbar di luar negeri seperti Jerman dan India. Majalah-majalah berkenaan adalah



seperti DIE WELT International Supplement, DIE PRESSE, SUDDEUTSCHE, ZEITUNG dan Economic Times. Iklan juga dibuat melalui Malaysia Exporters yang diterbitkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan disebarkan ke Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri, Kedutaan-kedutaan Malaysia dan lain-lain persatuan di luar negeri. Iklan-iklan ini adalah meliputi maklumat berhubung dengan sampel, sebutharga dan lain-lain yang berkaitan dengan barangan berkenaan untuk dikemukakan kepada bakal-bakal pembeli atau pengimport atau dipamerkan di ruang pameran yang terdapat di pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan.

Hasil daripada usahasama pejabat-pejabat dan Pesuruhjaya Perdagangan di luar negeri juga pengiklanan yang telah dibuat oleh Lembaga, pihak FAMA telah menerima sejumlah 51 pertanyaan perdagangan mengenai beberapa komoditi terutamanya komoditi seperti kelapa dan hasil pengeluaran kelapa, lada hitam/putih, buah-buahan, kopi dan koko. Selain daripada itu, FAMA juga menerima pertanyaan perdagangan bagi barang-barang yang bukan di bawah kendalian Lembaga seperti minyak kelapa sawit, pokok-pokok hiasan dan lain-lain sebanyak 29 pertanyaan. Pertanyaan yang sebegini rupa telah dipanjangkan ke agensi-agensi dan pengeksport-pengeksport berkenaan. Pertanyaan perdagangan kebanyakannya daripada negara-negara seperti Eropah Barat, Timur Tengah, Amerika Syarikat, United Arab Emirates, India, Pakistan, Singapura dan negara-negara EEC. Susulan daripada pertanyaan-pertanyaan ini, pihak Lembaga telah menghantar sampel dan sebutharga dan juga memanjangkan bagi pertanyaan-pertanyaan komoditi yang bukan kendalian FAMA kepada pengeksport-pengeksport berkenaan melalui MEXPO, Persatuan Pengeksport seperti MAME atau terus kepada pengeksport-pengeksport persendirian. Selain daripada itu, hasil daripada rombongan perdagangan yang telah disertai oleh FAMA, pihak Lembaga telah mengeluarkan laporan-laporan yang mempunyai maklumat-maklumat seperti peluang perdagangan, maklumat mengenai sesuatu komoditi dan juga potensi pasaran di luar negeri untuk disebarkan kepada pengeksport-pengeksport dan

juga lain-lain agensi dengan harapan bagi menambahkan lagi kuantiti eksport hasil-hasil pertanian negara ini.

Kesan daripada rombongan perdagangan serta galakan di dalam negeri telah dapat menambahkan eksport oleh Lembaga terutamanya bagi kopi jenis Liberica sebanyak 137 mt. ke Oman, Muscat dan koko sebanyak 1,779 mt. ke Amerika Syarikat, Singapura dan negara-negara Eropah. Secara tidak langsung hasil daripada eksport kopi dan koko yang dijalankan oleh Lembaga, Lembaga telah dapat menambahkan lagi luang pasaran bagi komoditi-komoditi tersebut dan dengan ini menolong menambahkan lagi pendapatan petani-petani yang terlibat dalam industri yang berkaitan dengan komoditi berkenaan.

Kawalan Pasaran

PERLESENAN DAN PENGUATKUASAAN

Di bawah program Kawalan Pasaran ini FAMA telah melaksanakan Skim Perlesenan dan Penguatkuasaan yang bertujuan bagi mengadakan pengawalan ke atas amalan-amalan perantara-perantara pasaran dari segi pengawalan di dalam urusan-urusan pemasaran seperti kaedah dan ketepatan timbangan, sistem potongan, sistem penggredan dan penentuan harga yang bermatlamatkan supaya petani-petani dapat memasarkan hasil keluaran mereka dalam satu suasana persekitaran pasaran yang sihat dan adil.

Semua perantara-perantara pasaran yang terlibat dalam sistem pemasaran komoditi di bawah sistem kawalan ini adalah dikehendaki supaya mendapatkan lesen yang dikeluarkan oleh FAMA dan perlu mematuhi akan syarat-syarat yang terdapat di dalam peraturan-peraturan lesen berkenaan.

Sehingga akhir tahun 1982, sebanyak 4 rancangan kawalan pasaran telah dilaksanakan (tidak termasuk rancangan kawalan lada hitam). Rancangan-rancangan tersebut ialah:-

- (i) Rancangan Kawalan Pemasaran Kopi yang bermula dalam tahun 1972 dan dikuatkuasa di seluruh Negeri Selangor sahaja;
- (ii) Rancangan Kawalan Pemasaran Sayur-sayuran yang bermula dalam tahun 1975 dan dilaksanakan di Negeri Johor sahaja;
- (iii) Rancangan Kawalan Pemasaran Kelapa yang bermula dalam tahun 1973 dan dilaksanakan di Negeri Kelantan, Trengganu, Pulau Pinang dan Perak;
- (iv) Rancangan Kawalan Pemasaran Koko yang bermula dalam tahun 1980 dan dilaksanakan di Negeri Selangor, Johor, Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan.

Pengeluaran lesen-lesen ini adalah juga diselaraskan supaya ianya dapat mencerminkan "quota" penyertaan pelbagai kaum sebagaimana yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru. Kedudukan lesen-lesen yang dikeluarkan dalam tahun 1982 adalah seperti berikut:-

KOMODITI	KUMPULAN/TAHUN								PERATUS(%) /TAHUN					
	Bumiputera		Bukan Bumiputera		Syarikat		Jumlah		Bumiputera		Bukan Bumiputera		Syarikat	
	1981	1982	1981	1982	1981	1982	1981	1982	1981	1982	1981	1982	1981	1982
Kopi	83	70	153	146	-	3	236	219	35.2	31.9	64.8	66.7	-	1.4
Sayur-sayuran	32	109	407	478	-	12	439	599	7.3	18.2	92.7	79.8	-	2.0
Koko	182	152	339	373	21	53	542	578	33.6	26.3	62.5	64.5	3.9	9.2
Kelapa	632	400	511	512	1	15	1,144	927	55.2	43.1	44.7	55.3	0.1	1.6
JUMLAH	929	731	1,410	1,509	22	83	2,361	2,323	39.4	31.5	59.7	64.9	0.9	3.6

JADUAL I: BILANGAN PEMEGANG LESEN FAMA 1982

Penguatkuasaan peraturan di dalam Rancangan Kawalan Pasaran telah diperkuatkuasakan dalam tahun 1982 di mana kes pendakwaan telah dikenakan ke atas perantara-perantara pasaran yang tidak mempunyai lesen FAMA sebagaimana yang disyaratkan di dalam rancangan kawalan tersebut. Hasil daripada penguatkuasaan sebanyak 39 kes telahpun dibawa ke mahkamah dan daripada kesemua kes-kes ini hanya 5 kes sahaja yang belum diselesaikan. Pecahan kes ini mengikut komoditi adalah ditunjukkan di dalam jadual berikut:-



JADUAL II: PECAHAN KES-KES PENDAKWAAN

JENIS	SELESAI	BELUM SELESAI	JUMLAH
Kelapa	18	3	21
Sayur-sayuran	3	—	3
Koko	13	2	15
JUMLAH	34	5	39



SKIM MENGGRED DAN MENGESAH KOKO UNTUK EKSPORT

Bagi mengawasi dan menentukan mutu koko Malaysia adalah terjamin di pasaran antarabangsa, FAMA telah merancang bagi melaksanakan Skim Menggred dan Mengesah Koko. Dalam tahun 1982 ini, kerja-kerja penyediaan awal bagi melaksanakan skim ini dibuat yang meliputi perbincangan di dalam Jawatankuasa Penasihat yang terdiri daripada agensi-agensi seperti FAMA, MARDI, SIRIM, wakil Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Pertanian, Malaysia Cocoa Growers Council (MCGC), wakil pengimport, dan pengeksport dan wakil pekebun-pekebun kecil. Dalam tahun ini juga, Jawatankuasa Penasihat telah

bekerjasama dengan FAO bagi mengadakan satu manual prosidur bagi aktiviti menggred koko. Seorang pakar perunding daripada FAO iaitu Encik Herman Mould telah dilantik bagi membantu kerja-kerja ini. Dalam tahun ini juga Jawatankuasa berkenaan telah mengkaji draf mengenai penggredan mutu pengeluaran oleh pihak SIRIM. Perbincangan juga telah diadakan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam melaksanakan skim penggredan di negeri-negeri berkenaan. Diperingkat awal ini, FAMA telah merancang untuk mengadakan 3 buah pusat penggredan koko di Pelabuhan Kelang, Selangor, Seberang Prai, Pulau Pinang dan Pasir Gudang, Johor.

Pembangunan Infrastruktur Pemasaran

Infrastruktur Pemasaran yang didirikan oleh FAMA adalah bertujuan bagi memberikan kemudahan-kemudahan pemasaran kepada petani-petani khususnya petani-petani kecil di luar bandar. Sehingga akhir tahun 1982 FAMA mempunyai infrastruktur pemasaran seperti berikut:-


- (i) 17 buah Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian;
- (ii) 14 buah Bilik Sejuk;
- (iii) 10 buah Pusat Memproses Kelapa Kering;
- (iv) Kilang Kopi, Banting;
- (v) Kilang Kacang Tanah, Pasir Mas;
- (vi) Kilang Koko Sabak Bernam;
- (vii) Kilang Minyak Kelapa, Bachok;
- (viii) 2 buah Pusat Memproses Ayam di Senawang dan Mergong yang diambilalih daripada Majuternak.

Daripada jumlah projek-projek FAMA ini, 4 buah Pusat Pemasaran Hasil-Hasil Pertanian, 3 buah Bilik Sejuk, 1 buah Pusat Memproses Kelapa Kering

dan Kilang Minyak Kelapa Bachok, memulakan operasinya dalam tahun ini. Pelaksanaan kemudahan infrastruktur pemasaran FAMA ini terus dilaksanakan dalam tahun 1982 di mana 2 buah pusat pemasaran hasil pertanian, 10 buah bilik sejuk dan Kilang Minyak Kelapa di Bagan Datoh adalah sedang dalam peringkat pelaksanaan. FAMA juga sedang mendirikan 2 buah Pusat Menggred, Mengesah dan Menyimpan Koko (PMMMK) di Pelabuhan Kelang dan Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengesahkan mutu koko yang dieksport supaya tidak menimbulkan sebarang perselisihan faham dan keraguan di pihak pengeksport di pasaran antarabangsa. Selain daripada itu, FAMA juga mengadakan kemudahan pengangkutan bagi memudahkan pemasaran hasil pertanian petani-petani kecil di luar bandar. Sehingga akhir tahun 1982, FAMA telah memiliki sejumlah 145 buah kenderaan. Kenderaan ini adalah terdiri daripada pelbagai jenis dan keupayaan ditempatkan dipelbagai pusat-pusat operasi FAMA di seluruh negeri. Dibandingkan dengan tahun 1981, jumlah kenderaan ini telah bertambah sebanyak 15 buah. Dalam tahun ini juga FAMA telah mengambilalih tapak Bangunan Ibupejabat daripada MAJUTERNAK yang terletak di kawasan Kelana Jaya, Subang.



Infrastruktur Pemasaran FAMA 1982



Pentadbiran

STRUKTUR ORGANISASI

Struktur Organisasi FAMA bagi tahun 1982 adalah ditunjukkan dalam carta IV.

Pengendalian dan pelaksanaan fungsi di peringkat negeri adalah dijalankan oleh 11 buah Pejabat FAMA Negeri dan 78 buah Pejabat FAMA Daerah dan Wilayah. Dibandingkan dengan tahun 1981, jumlah Pejabat FAMA Daerah dan Wilayah telah bertambah sebanyak 12 buah. Pertambahan ini adalah ekoran daripada tambahan kegiatan operasi seperti subsidi harga kopi dalam tahun 1982 di mana FAMA memerlukan penempatan pegawai-pegawai di kawasan-kawasan pengeluaran utama hasil berkenaan.

PERJAWATAN

Dalam tahun 1982, Lembaga telah diluluskan tambahan jawatan baru sebanyak 718 di pelbagai peringkat. Penambahan ini adalah ditunjukkan dalam jadual di bawah:-

JADUAL III

KATEGORI JAWATAN		BILANGAN
Kumpulan	A	16
Kumpulan	B	88
Kumpulan	C	251
Kumpulan	D	363
JUMLAH		718

Sementara itu, jumlah kakitangan terus bertambah dalam tahun ini. Dalam tahun 1982, jumlah kakitangan FAMA di Ibupejabat dan Pejabat FAMA Negeri adalah berjumlah 1,209 orang. Secara bandingan dengan tahun 1981, kedudukan kakitangan FAMA mengikut kumpulan adalah seperti berikut:-

JADUAL IV: BILANGAN KAKITANGAN TAHUNAN

KATEGORI KUMPULAN	1981	1982	PERBEZAAN 1981 - 1982
A	57	65	8
B	132	157	25
C	386	581	195
D	254	406	152
JUMLAH	829	1,209	380


Sepanjang tahun 1982, seramai 25 orang pegawai dan kakitangan FAMA telah dinaikkan pangkat. Ini adalah meliputi 10 orang pegawai Kumpulan A yang terdiri daripada Penolong Pengarah, Ahli Ekonomi, Jurutera, Akauntan dan Pengurus Komputer, 10 orang Pegawai Kumpulan B yang terdiri daripada Pegawai Perhubungan Awam dan Penolong Pegawai Pemasaran dan 5 orang Pegawai Kumpulan C iaitu Kerani Tingkatan Kanan dan Tingkatan Biasa. Bilangan kakitangan FAMA yang semakin bertambah dari setahun ke setahun menunjukkan perkembangan yang pesat bagi aktiviti FAMA. Penambahan ini jelas ditunjukkan dalam histogram jumlah kakitangan FAMA bagi tempoh 4 tahun seperti di bawah.

JADUAL V: BILANGAN KAKITANGAN FAMA BAGI TEMPOH 4 TAHUN (1979 - 1982)

KATEGORI KAKITANGAN	TAHUN/BILANGAN			
	1979	1980	1981	1982
KUMPULAN A	47	41	57	65
KUMPULAN B	61	85	132	157
KUMPULAN C	148	244	386	581
KUMPULAN D	45	92	254	406
JUMLAH	301	462	829	1,209



CARTA III: HISTOGRAM BILANGAN KAKITANGAN FAMA BAGI TEMPOH 4 TAHUN (1979 – 1982)



KEWANGAN

Jumlah peruntukan belanjawan FAMA bagi tahun 1982 ialah sebanyak \$56,898,600 mengandungi peruntukan wang mengurus sebanyak \$24,795,200 dan peruntukan wang pembangunan sebanyak \$32,103,400. Jumlah peruntukan ini meningkat sebanyak \$2,995,000 dari peruntukan Tahun 1981.

JADUAL VI: PERUNTUKAN WANG MENGURUS DAN PEMBANGUNAN TAHUN 1980 – 1982

TAHUN	MENGURUS \$	PEMBANGUNAN \$
1980	8,794,200	23,171,088
1981	16,319,600	37,584,000
1982	24,795,200	32,103,400*

*Selepas Notis Penyekatan Peruntukan bil 10/82

LATIHAN


Penekanan kepada aktiviti latihan yang dijalankan oleh FAMA ini adalah sebagai salah satu cara bagi mempertingkatkan motivasi dan prestasi serta mutu kerja pegawai dan kakitangan Lembaga. Pegawai-pegawai dan kakitangan FAMA yang baru dilantik telah diberikan latihan pengenalan selama satu bulan untuk menyesuaikan diri kepada kefahaman peraturan dan disiplin kerja dalam pejabat. Selain daripada itu, latihan-latihan yang bercorak praktikal juga diberikan kepada kakitangan ini seperti memberikan kefahaman yang lebih mendalam mengenai bidang tugas kerja mereka.

Di antara kursus-kursus dalaman (in-house training) yang telah dijalankan adalah seperti kursus Pengenalan Pemasaran, Pentadbiran dan Kewangan, Kursus Amalan Perakaunan, Kursus 'Creative Thinking and Problems Solving' dan sebagainya. Selain daripada itu, pegawai-pegawai dan kakitangan Lembaga juga menyertai pelbagai kursus yang dianjurkan oleh pihak INTAN, MIM serta anjuran PDPN dan sebagainya. Di samping itu, pegawai dan kakitangan FAMA juga menyertai pelbagai seminar dan persidangan yang diadakan di seluruh negara yang mana berkaitan dengan peranan FAMA ini. Daripada aktiviti ini, sejumlah 15 orang kakitangan Kumpulan A, 302 Kumpulan B, 404 Kumpulan C dan 113 Kumpulan D telah menerima program latihan dan kursus ini.

Selain daripada itu bagi memastikan pegawai-pegawai yang terlibat di dalam aktiviti galakan pasaran didedahkan kepada usaha-usaha galakan pasaran di luar negeri, juga bagi menambahkan lagi kemahiran mereka, Lembaga telah menghantar pegawai-pegawainya bagi mengikuti beberapa seminar/bengkel (workshop) di luar negeri. Ini adalah seperti penyertaan pegawai-pegawai FAMA di dalam seminar yang dianjurkan oleh negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah seperti "Asean EEC Market Information Seminar on Fresh Fruits and Vegetables, Flowers and Ornamental Plants" di Bangkok pada bulan Oktober 1982 juga seminar Euro Agri Mart 111' 1982 di Holland pada bulan Oktober dan November 1982.



Carta Organisasi FAMA 1982



LAMPIRAN I

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
KIRA-KIRA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN BAGI TAHUN BERAKHIR
PADA 31HB. DISEMBER, 1982**

LAMPIRAN I

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
KIRA-KIRA LEMBAGA PEMAZARAN PERTANIAN
PERSEKUTUAN RAGI TAHUN BERAKHIR
PADA 31HB. DISEMBER, 1982

Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember, 1982

Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota kepada Kira-kira yang berkembar ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Audit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati kecuali apa yang dinyatakan di bawah ini.

Tertakluk kepada pemerhatian-pemerhatian dalam perenggan-perenggan 2 hingga 19 yang berikut, pada pendapat saya:-

- (i) Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota terhadapnya telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pada 31 Disember 1982 dan urusan-urusan berkaitan dengannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu; dan
- (ii) Rekod-rekod perakaunan dan daftar-daftar yang diperiksa oleh pegawai-pegawai audit telah diselenggarakan dengan memuaskan.

Kawalan Dalam

2. Seperti yang dinyatakan di perenggan 2 Laporan Audit bagi tahun lalu, kawalan dan penyeliaan atas urusan-urusan kewangan dan perakaunan pada amnya masih kurang memuaskan. Masalah-masalah pengesahan perbelanjaan dan pendapatan timbul disebabkan sebahagian rekod-rekod atau dokumen-dokumen tidak dikemukakan untuk diperiksa. Perbelanjaan sejumlah tidak kurang daripada \$325,400 tidak disokong dengan resit resmi/akuan penerimaan atau bil/penyata tuntutan. Baucar-baucar bayaran berjumlah

\$49,607 di Ibu Pejabat dan sebahagian baucar-baucar bagi pejabat-pejabat lain belum dikemukakan untuk diperiksa. Pesanan-pesanan tempatan berjumlah \$24,377 untuk pembelian barangan/perkhidmatan tidak dikeluarkan ataupun dikeluarkan selepas penerimaan bil-bil dari pihak pembekal. Beberapa perbelanjaan yang tidak selaras dengan peraturan-peraturan biasa telah juga dilakukan. Terdapat juga perbezaan-perbezaan di antara angka-angka dalam penyata-penyata kewangan dengan angka-angka dalam buku perakaunan bagi beberapa kira-kira FAMA. Juga didapati senarai secara bertulis mengenai kuasa dan pengawalan perbelanjaan bagi meluluskan pembelian dan pembayaran barang-barang/perkhidmatan serta had nilainya tidak disediakan oleh pihak pengurusan FAMA. Walaupun perkara-perkara tersebut di atas telah dibangkitkan melalui pemerhatian-pemerhatian audit tahun-tahun yang lalu, nampaknya tindakan yang positif tidak diambil oleh pihak pengurusan FAMA bagi memperbaiki kawalan dalam atas urusan kewangan dan kelemahan-kelemahan keseluruhannya.

Hutang-hutang Antara Kumpulan Wang/Pejabat

3. Audit ke atas semua Kunci Kira-kira FAMA telah mendedahkan beberapa perbezaan hutang-hutang antara Pejabat, Kumpulanwang-kumpulanwang dan Kumpulanwang dengan pejabat. Tambahan lagi, apabila Kunci Kira-kira Yang Disatukan disediakan, jumlah-jumlah yang digunakan untuk menyelaraskan hutang-hutang antara Kumpulanwang/pejabat berbeza dengan angka-angka yang telah ditunjukkan dalam senarai si berhutang dan si piutang. Butir-butirnya adalah seperti berikut:-

Si Berhutang		Si Piutang		Perbezaan	Jumlah yang telah diselaraskan dalam Kunci Kira-kira Yang Disatukan
Akaun	Amaun	Akaun	Amaun		
	\$		\$	\$	\$
Kumpulan Wang Perniagaan	318,135	Kumpulan Wang Biasa	336,475	(18,340)	305,538
Kumpulan Wang Perniagaan	66,097	Kumpulan Wang Pembangunan	59,378	6,719	59,378
Kumpulan Wang Perniagaan	1,275,900	Pusat-pusat Memproses	1,249,142	26,758	1,241,814
Kumpulan Wang Biasa	123,537	Kumpulan Wang Perniagaan	73,207	50,330	70,645
Kumpulan Wang Pembangunan	159,239	Kumpulan Wang Perniagaan	180,728	(21,489)	157,575
Pusat-pusat Memproses	3,390,035	Kumpulan Wang Perniagaan	3,403,399	(13,364)	3,368,921
Pusat-pusat Memproses	21,133	Kumpulan Wang Biasa	21,107	26	21,107
Pusat-pusat Memproses	11,410	Kumpulan Wang Pembangunan	10,393	1,017	10,393
Kumpulan Wang Biasa	110,703	Pusat-pusat Memproses	112,883	(2,180)	108,538
Kumpulan Wang Pembangunan	31,365	Pusat-pusat Memproses	10,062	21,303	8,800
Kumpulan Wang Perniagaan	2,293,299	Kumpulan Wang Perniagaan	2,099,249	194,050	1,964,263

Terbit daripada ini, jumlah si berhutang dan si piutang yang ditunjukkan dalam kebanyakan Kunci Kira-kira tidak menunjukkan kedudukan yang sebenar.

KUMPULANWANG FAMA KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

HARTA TETAP

**Kumpulanwang Biasa –
\$23,494,423.43**

Tanah – \$1,273,782.94

4. Surat-surat hakmilik untuk tanah-tanah bagi 11 Pusat-pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian dan 6 buah bilik sejuk yang perbelanjaannya berjumlah \$776,808 masih belum dikeluarkan oleh pejabat-pejabat tanah yang berkenaan. Oleh itu saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu adalah sebenarnya didaftarkan atas nama FAMA. Walau bagaimanapun pihak FAMA sedang berusaha untuk mendapatkan surat-surat hakmilik daripada pejabat-pejabat tanah yang berkenaan. Tambahan pula peruntukan susutnilai tidak dibuat ke atas tanah-tanah pajakan mengikut tempoh pajakan masing-masing.

Pusat-pusat Memproses – \$5,421,996.79

5. Jumlah \$5,421,997 ini ialah nilai harga bersih bagi semua harta tetap di 15 Pusat-pusat Memproses FAMA. Sungguhpun daftar-daftar untuk harta tetap bernilai \$6,221,016 (Kos) bagi semua Pusat-pusat Memproses FAMA telah disediakan tetapi sebahagian daftar-daftar itu masih tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan kebetulan nilai dan jenis harta dalam kes-kes itu.

Pusat-pusat Memproses – \$5,421,996.79

Tanah – \$342,057.54

6. Seperti yang dinyatakan di perenggan 6 Laporan Audit bagi tahun lalu, surat-surat hakmilik untuk tanah-tanah di 7 Pusat-pusat Memproses iaitu di Batu Laut, Bagan Datoh, Merlimau, Sebangau, Lahad Datu, Pasir Mas dan Banting yang perbelanjaannya berjumlah \$125,047 (Kos) masih belum dikeluarkan oleh pejabat-pejabat tanah yang berkenaan. Oleh itu saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu adalah sebenarnya didaftarkan atas nama Lembaga. Walau bagaimanapun tindakan sedang

diambil oleh pihak FAMA untuk memperolehi surat-surat hakmilik daripada Pejabat-pejabat tanah yang berkenaan.

7. Termasuk dalam jumlah \$342,058 ini ialah sebanyak \$34,401 untuk pembelian tapak tanah Pusat Memproses Kelapa Kering Batu Pahat dalam tahun 1982. Walau bagaimanapun pembinaan Pusat Memproses ini telah dibatalkan. Terbit daripada ini, jumlah \$34,401 ini adalah lebih sesuai jika ditunjukkan di bawah Projek Dalam Pelaksanaan. Jumlah \$34,401 ini telah dipelarakkan dalam Kira-kira tahun 1983.

**Pusat-pusat Memproses –
\$5,421,996.79**

Kenderaan – \$224,557.68

8. Jumlah \$224,558 ini termasuk nilai bersih sebanyak \$30,261 (Kos \$40,330) bagi sebuah lori di Pusat Memproses Kelapa Kering Rengit, Johor yang telah terlebih diambilkira dengan sebanyak \$16,132 dalam Kira-kira Pusat ini. Terbit daripada itu, jumlah \$224,558 ini telah terlebih diambilkira dengan \$16,132 (Kos \$20,165). Jumlah \$16,132 ini telah dipelarakkan dalam Kira-kira tahun 1983.

**PROJEK DALAM PERLAKSANAAN
(NOTA 3)**

**Pusat Memproses dan Menggred
Koko – \$3,824,199.65**

9. Jumlah \$3,824,200 ini merupakan perbelanjaan atas projek-projek Pusat Memproses dan Menggred Koko yang belum siap pada akhir tahun 1982. Sebenarnya jumlah yang patut ditunjukkan dalam akaun ini ialah \$3,762,389. Walau bagaimanapun perbezaan sebanyak \$61,811 ini telah dipelarakkan dalam Kira-kira tahun 1983.

Am

**Pembinaan Kilang Minyak Kudat,
Sabah**

10. Sehingga akhir tahun 1982 sebanyak \$224,879 telah dibelanjakan atas projek Kilang Minyak Kudat yang dibiayai oleh pinjaman dari Kerajaan Persekutuan. Pada akhir tahun 1982 projek ini masih dalam kemajuan dan dari sebahagian jumlah \$224,879 itu sebanyak \$167,639 ialah bayaran pakar perunding dan \$49,520 adalah untuk tapak tanah. Dari jumlah \$224,879 ini \$82,440 tidak ditunjukkan

sebagai projek dalam pelaksanaan dan bakinya sebanyak \$142,439 telah tersalah diperjeniskan di bawah Harta Tetap dalam Kunci Kira-kira Pusat Memproses Kelapa Kering Lahad Datu. Jumlah-jumlah ini telah dipelarakkan dalam Kira-kira tahun 1983. Setahu saya projek ini telah dibatalkan dan pihak FAMA sedang mengambil tindakan untuk menjual tapak tanah itu.

**Pembinaan Kilang Kacang Tanah
Kuala Brang, Terengganu**

11. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, FAMA telah diperuntukkan \$1,200,000 untuk pembinaan sebuah Kilang Kacang Tanah di Kuala Brang, Terengganu. Proses pemilihan dan pengambilan tanah telah dibuat dalam tahun 1982. Pihak FAMA telah membeli tanah seluas 4.0468 hektar di Mukim Kuala Brang dengan bayaran pampasan sebanyak \$194,828. Namun demikian, projek itu telah dibatalkan dan tanah itu masih tidak digunakan untuk apa-apa tujuan sehingga hari ini. Tambahan lagi, jumlah \$194,828 yang telah dibayar itu tidak diambilkira sebagai Projek dalam Pelaksanaan dalam Kunci Kira-kira FAMA Disatukan.

HARTA SEMASA

Stok – \$8,437,172.20

12. Jumlah \$8,437,172 ini adalah nilai stok sebanyak \$5,376,199 di 15 buah Pusat Memproses dan nilai stok sebanyak \$3,060,973 di 11 buah pejabat penjualan. Menurut Nota 4 kepada Akaun-akaun, semua stok FAMA dinilai atas harga kos atau harga pasaran yang mana rendah. Walau bagaimanapun bagi stok yang berada di 7 buah Pusat Memproses bernilai \$5,170,523 saya tidak dapat menentukan jika nilai yang telah diberikan itu adalah nilai mengikut harga pasaran ataupun nilai mengikut kos oleh kerana kekurangan maklumat. Pemeriksaan ke atas buku-buku stok telah mendedahkan beberapa perbezaan antara baki buku stok dengan baki stok fizikal mengikut sijil pengesahan stok pada 31 Disember 1982 yang diterima daripada pihak FAMA. Perbezaan-perbezaan yang didapati itu tidak dicatitkan ke dalam buku stok serta diberi sebab dan alasan terhadap perbezaan-perbezaan itu. Misalnya, kekurangan dan kelebihan stok koko bernilai \$52,053 dan \$207,193 masing-masing telah berlaku di Pusat Memproses Koko Sabak Bernam, Selangor. Perbezaan-perbezaan seperti ini telah juga berlaku

di Kilang Memproses Kopi Banting dan Kilang Kacang Tanah Pasir Mas. Bagi Kilang Memproses Kopi Banting kekurangan dan kelebihan stok ialah \$96,662 dan \$67,759 masing-masing. Tambahan pula, kelulusan Lembaga tidak diperolehi untuk menghapuskan kekurangan stok tersebut di atas.

13. Dari jumlah \$8,437,172 ini, sebanyak \$184,034 adalah merupakan nilai stok untuk 434,672 kg. buah kopi jambu dengan 13 dari 27 pemeroses luar pada 31 Disember 1982. Stok ini telah berada dengan 13 pemeroses luar sejak tahun 1981 yang masih belum dipulangkan kepada FAMA dalam bentuk biji kopi dan tindakan undang-undang yang diambil atas pemeroses-pemeroses itu oleh pihak FAMA tidak mendatangkan sebarang hasil. Pihak FAMA perlu mengkaji keperluan untuk menyediakan peruntukan untuk hutang ragu atas jumlah ini.

**Si Berhutang Pelbagai –
\$9,386,315.89**

14. Dari jumlah \$9,386,316 ini, tidak kurang daripada \$125,000 adalah terdiri daripada si berhutang-si berhutang yang telah berhenti aktiviti perniagaannya dengan Pusat-pusat Memproses FAMA dan kebanyakan mereka itu tidak dapat dikesan. Juga termasuk dalam jumlah \$9,386,316 di atas ialah sebanyak \$54,956 dan \$2,009 yang merupakan baki-baki si berhutang pendahuluan dan pendahuluan kepada pekerja masing-masing yang tidak bergerak sejak tahun 1978. Adalah disyorkan FAMA mengambil tindakan yang lebih berkesan dan positif untuk mengutip balik hutang-hutang itu atau menimbangkan jika peruntukan hutang ragu perlu disediakan.

**KUMPULANWANG PEMBANGUNAN
PENYATA PENDAPATAN DAN
PERBELANJAAN**

Perbelanjaan

Lori Biasa – \$1,668,176.14

Lori Berhawa Dingin – \$292,097.80

15. Jumlah perbelanjaan untuk lori biasa sebanyak \$1,668,176 termasuk pembelian untuk 2 buah lori dengan harga \$39,531. Jumlah \$292,098 untuk lori berhawa dingin merupakan perbelanjaan untuk 3 buah lori berhawa dingin. Walau bagaimanapun kedua jumlah sebanyak \$39,531 dan \$292,098 itu telah tidak dipermodalkan dalam Kira-kira FAMA. Oleh yang demikian, jumlah kos harta tetap dalam

Kunci Kira-kira Yang Disatukan telah terkurang dinyatakan dengan \$331,629. Sungguhpun demikian, pelarasan telah dibuat dalam Kira-kira tahun 1983.

**Pusat Memproses Minyak Kelapa –
\$405,598.89**

**Pusat Memproses dan Menggred
Koko – \$2,718,240.41**

16. Seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 19 Laporan Audit tahun 1981, termasuk dalam jumlah-jumlah ini ialah perbelanjaan-perbelanjaan sebanyak \$366,832 untuk pembinaan Pusat Memproses Minyak Kelapa Kering Bagan Datoh, Perak, \$1,985 untuk pembinaan Pusat Memproses Minyak Kelapa Kering Kudat, Sabah dan \$57,982 untuk pembinaan Pusat Memproses Koko Sabak Bernam, Selangor. Oleh kerana pembinaan ketiga-tiga pusat itu sebenarnya dibiayai dengan pinjaman dari Kerajaan Persekutuan, adalah tidak wajar dan sesuai jika perbelanjaan untuk pembinaan ketiga-tiga pusat itu dikenakan sebagai perbelanjaan kepada Kumpulanwang Pembangunan. Segala perbelanjaan pembinaan terkumpul untuk 3 buah pusat itu sebanyak \$4,096,967 seharusnya diambil kira sebagai pendahuluan kepada Pusat-pusat Memproses masing-masing. Pelarasan telah dibuat dalam Kira-kira tahun 1983 untuk membetulkan perkara ini.

**KUMPULANWANG PERNIAGAAN
KUNCI KIRA-KIRA**

TANGGUNGAN

Kerugian Berkumpul – \$4,666,538.63

Subsidi Susu – \$121,403.46

17. Mulai bulan Ogos 1982 pihak FAMA telah diarahkan oleh Kementerian Pertanian membayar subsidi harga untuk susu mentah yang dikeluarkan sendiri oleh Pusat-pusat Pengumpul Susu (PPS) di bawah Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Ini adalah disebabkan susu mentah yang dikeluarkan oleh PPS di bawah rancangan projek tenusu Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah meningkat sehingga melimpah keupayaan pemasaran susu tempatan dan dalam bulan Ogos 1982, masalah pemasaran telah timbul. Akibatnya sebahagian besar daripada susu keluaran PPS terpaksa dipasarkan dengan harga yang kurang daripada kos pengeluaran dan kekurangan itu dibayar dalam bentuk subsidi kepada PPS oleh pihak FAMA. Bagi 100,000 liter yang pertama

yang dijual dalam sebulan oleh pihak PPS kepada pembeli, pihak FAMA akan membayar subsidi sebanyak 2¢ seliter kepada pihak PPS. Untuk jualan yang lebih daripada 100,000 liter sebulan pihak FAMA akan membayar subsidi sebanyak 30¢ seliter kepada pihak PPS. Dasar yang digunakan oleh pihak FAMA untuk membuat bayaran subsidi ialah hanya atas salinan nota hantaran yang dikeluarkan oleh pihak PPS. Dalam tempoh bulan Ogos 1982 hingga Disember 1982 pihak FAMA telah membayar subsidi atas 961,805 liter susu sejumlah \$148,541. Dari jumlah \$148,541 ini sebanyak \$121,403 telah diambilkira dalam tahun ini dan baki sebanyak \$27,138 hanya diambilkira dalam Kira-kira bagi tahun 1983. Juga saya tidak dapat menentukan kebetulan jumlah subsidi sebanyak \$121,403 itu kerana pihak FAMA hanya menjadi ajen bayaran sahaja dan tidak kena-mengena dengan proses jualan secara fizikal. Tambahan pula pembayaran subsidi sebanyak \$121,403 itu telah dibuat daripada wang pusingan perniagaan seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian tetapi sejauh yang dapat ditentukan projek subsidi ini tidak ditunjukkan sebagai satu projek dalam Anggaran Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1982 yang telah diluluskan oleh Menteri Pertanian. Terbit daripada ini dan juga dari segi kawalan dalam adalah lebih sesuai jika pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengendalikan pembayaran subsidi susu secara terus memandangkan bahawa PPS adalah di bawah jagaannya.

PUSAT MEMPROSES KOKO SABAK BERNAM PENYATA UNTUNG DAN RUGI

Jualan – \$1,865,700.55

18. Jualan koko kering sebanyak 30 metrik tan yang bernilai \$111,000 dalam tahun 1982 telah tidak diambilkira dalam jumlah \$1,865,701 ini. Oleh itu, jumlah jualan untuk tahun 1982 telah berkurang dinyatakan dengan \$111,000.

PUSAT-PUSAT MEMPROSES AYAM PENYATA UNTUNG DAN RUGI

Stok Pada 1.5.1982 – \$34,329.06

19. Stok Pusat-pusat Memproses Senawang dan Mergong telah diambilalih oleh FAMA daripada Majuternak pada 1.5.1982. Walaupun stok bernilai \$58,602 telah dipindahkan kepada Pusat Memproses Ayam

Senawang dalam tahun ini, nilai \$58,602 ini tidak diambilkira dalam Kira-kira ini. Juga pihak Majuternak telah memindahkan stok bernilai \$41,148 kepada Pusat Memproses Ayam Mergong tetapi nilai stok yang diambilkira oleh pihak FAMA ialah \$34,329. Oleh itu nilai stok sebanyak \$6,819 adalah terkurang diambilkira dalam Kira-kira FAMA.

Lain-lain Perkara

20. Lain-lain perkara yang tidak menjejaskan Penyata Kira-kira secara langsung adalah disebutkan dalam perenggan-perenggan yang berikut.

PENYERAHAN KIRA-KIRA

21. Draf Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir 31 Disember 1982 termasuk jadual-jadual sokongan yang berkenaan telah diserahkan pada kali pertamanya kepada pihak saya pada 30 Jun 1983. Penyata Kira-kira ini setelah diperiksa dan disemak, perlu lagi dipinda untuk diperbetulkan kerana masih terdapat kesilapan dan ketinggalan. Penyata Kira-kira yang muktamad bagi tahun berakhir 31 Disember 1982 hanya diserahkan semula kepada pihak saya pada 29 Julai 1985.

KUMPULANWANG FAMA KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

**HARTA SEMASA
Stok – \$8,437,172.20**

22. Pada 4 November 1982, sebanyak 14.532 tan metrik biji koko kering bernilai \$80,748 yang telah rosak telah dimusnahkan di Sarawak. Adalah didapati bahawa tiada kelulusan Lembaga diperolehi bagi pemusnahan stok biji koko kering itu.

**TANGGUNGAN
Pusat-pusat Memproses
Kerugian Berkumpul – \$7,835,067.81**

23. Empatbelas (14) daripada limabelas (15) Pusat Memproses FAMA, termasuk sebuah pusat yang memulakan operasi dalam tahun 1982 dan dua buah pusat yang diambilalih daripada MAJUTERNAK dalam tahun 1982, telah mengalami kerugian sebanyak \$2,240,585 dalam tahun 1982, manakala satu lagi memperoleh keuntungan sebanyak \$303,384. Jumlah-jumlah ini tidak termasuk kerugian dari operasi subsidi harga kopi berjumlah \$149,725 yang dikendalikan

di bawah akaun ini. Terbit daripada ini kerugian terkumpul sebanyak \$5,748,142 pada akhir tahun 1981 telah meningkat kepada \$7,835,068 (termasuk kerugian operasi subsidi harga kopi) pada akhir tahun ini. Bagi 14 buah pusat memproses yang telah mengalami kerugian dalam tahun ini, nisbah kos jualan dengan jualan bagi tahun ini dan tahun 1981 adalah seperti berikut:-

	1981	1982
10 Pusat Memproses Kelapa Kering	1 : 0.7009	1 : 0.8032
1 Kilang Kacang Tanah	1 : 0.4972	1 : 0.2803
1 Pusat Memproses Koko	Tiada jualan	1 : 0.8235
2 Pusat Memproses Ayam	Belum diambilalih oleh FAMA	1 : 1.0543

Tindakan perlu diambil oleh pihak FAMA untuk mengkaji semula aktiviti-aktiviti ini dengan menyemak semula pengurusan pusat-pusat memproses itu dan polisi menetapkan harga-harga belian dan jualan untuk memperbaiki kedudukan kewangan pusat-pusat memproses itu. Perhatian berat juga patut diberi kepada Kilang Kacang Tanah di mana nisbah kos jualan dengan jualan 1 : 0.2803 bagi tahun 1982 telah bertambah buruk dari 1 : 0.4972 bagi tahun 1981. Pihak FAMA disyorkan mengkaji semula kedudukan di atas bagi memperbaiki prestasi kewangan kilang tersebut.

KUMPULANWANG BIASA PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

PERBELANJAAN

Kehilangan Wang – \$1,458.79

24. Jumlah ini termasuk baki wang runcit sebanyak \$170 yang dilaporkan telah hilang dalam tahun 1980 di Pejabat FAMA Negeri Kedah. Selain daripada itu, 2 keping cek yang dikeluarkan untuk bayaran tuntutan perjalanan seorang pegawai FAMA dan wang runcit Pejabat FAMA Lancang berjumlah \$1,089 dan \$200 masing-masing telah juga dilaporkan hilang. Adalah diperhatikan bahawa kedua-dua cek tersebut di atas tidak dipalang langsung oleh Bahagian Kewangan sebelum dikeluarkan untuk bayaran kepada si penerima di atas. Walaupun laporan polis telah dibuat atas cek-cek yang hilang itu, pihak FAMA masih belum mengambil tindakan ke atas kecuaiannya pegawai-pegawai yang terlibat.

PUSAT-PUSAT MEMPROSES FAMA KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

TANGGUNGAN

**Pendahuluan dari Kumpulanwang
Pembangunan – \$1,231,204.97**

25. Jumlah ini adalah pendahuluan-pendahuluan dari Kumpulanwang Pembangunan yang telah diberi kepada Pusat-pusat Memproses FAMA untuk perbelanjaan belian/jualan dan pengurusan pusat/kilang. Memandangkan kerugian terkumpul telah meningkat dari setahun ke setahun, adalah disangsikan bahawa jumlah pendahuluan ini dapat dibayar balik oleh Pusat-pusat Memproses. Pihak FAMA perlu mengkaji perkara ini dan ambil tindakan yang sewajarnya.

PUSAT MEMPROSES KELAPA KERING/MINYAK BACHOK

AM

Pembelian Tin-tin

26. Dalam tahun 1981, pihak FAMA telah membeli tin-tin bernilai lebih kurang \$26,000 untuk mengisi minyak kelapa yang diproses. Walau bagaimanapun semasa pemeriksaan audit dijalankan dalam bulan Mei 1984, tin-tin berkenaan masih belum digunakan untuk tujuan tersebut diatas kerana pusat itu masih belum lagi bermula memproses minyak kelapa. Adalah difahamkan bahawa pihak FAMA telah menghapuskiran tin-tin yang karat dan rosak itu. Terbit daripada ini, pihak FAMA telah mengalami kerugian sebanyak \$26,000 atas pembelian tin-tin itu.

Kompleks Bilik Sejuk

27. FAMA telah diberi peruntukan sejumlah \$20 juta bagi membina sejumlah 24 buah kompleks bilik sejuk di kawasan-kawasan pengeluaran dan pusat-pusat bandar di seluruh Semenanjung Malaysia bagi memperbaiki cara pengendalian, pembungkusan dan penyimpanan di dalam proses pemasaran buah-buahan dan sayur-sayuran. Konsep ini adalah bagi mewujudkan satu sistem pemasaran yang berkesan dan cekap di dalam pengedaran pemasaran barang-barang pertanian yang mudah rosak terutama sekali di masa pengeluaran berlebihan. Melalui pendekatan ini diharapkan kerosakan selepas tuai (Post harvest losses) akan dapat dikurangkan dan hasil-hasil barangan dapat dipertingkatkan

mutunya disamping mendapatkan pulangan harga yang memuaskan. Lawatan audit ke beberapa kompleks bilik-bilik sejuk yang dibina oleh FAMA telah mendedahkan bahawa beberapa bilik-bilik sejuk itu telah tidak digunakan langsung seperti terdapat di Kangar. Di Negeri Johor pula hanya satu daripada empat (4) buah kompleks bilik sejuk digunakan. Selain daripada itu, empat (4) lagi kompleks bilik sejuk di Negeri Perak tidak juga digunakan. Jumlah kos tanah dan bangunan bagi 7 buah bilik sejuk tersebut di atas ialah \$3,867,554. Terbit daripada ini, FAMA telah juga menanggung kos pentadbiran dan pengurusan atas penyelenggaraan kompleks-kompleks tersebut tiap-tiap bulan. Gaji dan elaun kakitangan untuk mengendalikan sebuah kompleks bilik sejuk adalah dianggarkan sebanyak \$5,000 sebulan manakala perbelanjaan elektrik, air dan pelbagai ialah \$2,000 sebulan. Ini bermakna FAMA terpaksa menanggung perbelanjaan lebih kurang \$84,000 setahun bagi sebuah kompleks dan sebanyak \$2 juta kena dibelanjakan ke atas 24 kompleks kesemuanya. Memandangkan bahawa tidak kurang daripada 7 bilik-bilik sejuk itu tidak digunakan dengan sepenuhnya

seperti yang dirancangan pada awalnya, adalah disangsikan bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,867,554 itu telah mendatangkan hasil seperti yang dirancangan. Walaupun bagaimanapun, pihak FAMA sedang mengambil tindakan untuk menyewa bilik-bilik sejuk yang tidak digunakan itu kepada pihak swasta, tetapi tindakan ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan dan memuaskan.

Perkara-perkara Yang Belum Selesai

28. Beberapa perkara yang belum selesai dari Laporan Audit yang lalu telah diulang dalam Laporan ini. Selain daripada ini, perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Lampiran "A" juga masih belum selesai.

(Lee Siew Kuan)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KUALA LUMPUR,
9 Januari 1986.

Lampiran "A"
(Perenggan 28 Laporan Audit Ini)

	Perenggan	Perkara	Butir-Butir
Laporan Audit Tahun 1979	12	Pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian – \$329,225.67	Adalah difahamkan bahawa tanah yang telah diperolehi untuk pembinaan Pusat Pemasaran Hasil Pertanian di Krian (Simpang Empat), Perak dibiarkan begitu sahaja dan tiada kerja-kerja pembinaan Pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian dibuat. Walau bagaimanapun Lembaga sedang mempertimbangkan permohonan dari Jabatan Telekom untuk membeli tanah tersebut.
Laporan Audit Tahun 1980	21	Faedah dari Kira-kira Semasa – \$10,708.09	Saya masih belum diberitahu sama ada kelulusan Menteri Kewangan telah diperolehi bagi kemudahan bank overdraf dalam tahun 1980.
Laporan Audit Tahun 1981	30	Daftar Kontrak	Setakat kini, daftar kontrak masih belum disediakan bagi semua kontrak yang ditandatangani oleh FAMA. Yang demikian pengauditan ke atas kontrak-kontrak itu tidak dapat dilaksanakan dengan memuaskan. Adalah difahamkan pihak FAMA sedang menguruskan perkara ini supaya daftar itu dapat disediakan.

LAMPIRAN II

**Penyata-penyata Kewangan
FAMA Bagi Tahun 1982**

LAMPIRAN II

Penyakit-penyakit Kewanitaan
FAMA Bagi Tahun 1983

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
MALAYSIA**

**KUMPULAN WANG BIASA
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 1982**

1981		KOS	SUSUTNILAI TERKUMPUL	BAKI
12,989,104.05	Harta Tetap	<u>27,073,359.87</u>	<u>3,578,936.44</u>	23,494,423.43
	Harta Semasa			
625,800.64	Siberhutang Pelbagai		839,278.81	
994,131.44	Siberhutang kenderaan		1,110,310.38	
117,478.76	Bayaran Terdahulu		334,374.81	
179,460.20	Pertaruhan Bayaran		296,658.70	
5,806.78	Faedah Terakru		-	
2,025,005.50	Wang Bank		2,181,587.16	
47,550.10	Wang Tunai		116,941.90	
33,943.31	Wang Dalam Perjalanan		<u>537.70</u>	
<u>4,029,176.73</u>				<u>4,879,689.46</u>
17,018,280.78				<u>28,374,112.89</u>
	Kumpulan Wang Terkumpul			
4,038,886.60	Baki pada 1.1.1982		11,605,434.25	
8,821,792.79	Campur: Pindahan Harta dari Kumpulan Wang Pembangunan		11,906,468.77	
<u>12,860,679.39</u>			<u>23,511,903.02</u>	
555,245.14	Tolak: Perbelanjaan melebihi pendapatan	953,353.35		
700,000.00	Pindahan kepada Kumpulan Wang kenderaan	<u>-</u>		
<u>1,255,245.14</u>			<u>953,353.35</u>	
11,605,434.25				22,558,549.67
1,150,000.00	Kumpulan Wang Pusingan Kenderaan		1,150,000.00	
-	Tolak: Pindahan ke JPLH		<u>77,000.00</u>	
1,150,000.00				1,073,000.00
1,578,830.55	Pendahuluan dari Kumpulan Wang Pembangunan			2,696,941.58
	Tanggungan Semasa			
2,642,465.98	Sipiutang Pelbagai dan Akruan		1,999,246.64	
41,550.00	Pertaruhan Penerimaan		<u>46,375.00</u>	
<u>2,684,015.98</u>				<u>2,045,621.64</u>
<u>17,018,280.78</u>				<u>28,374,112.89</u>

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

KUMPULAN WANG BIASA PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1982

1981

PENDAPATAN

<div style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> 15,255,900.00 2,000,000.00 </div>	Pemberian dari Kementerian Tolak: Pemberian Subsidi	19,600,000.00 2,053,572.00 <hr/>	17,546,428.00
<hr/>			
13,255,900.00	Campur: Faedah dari Simpanan Semasa Faedah Pinjaman Pendapatan Lesen Lain-lain Pendapatan	97,996.18 85,472.51 18,248.10 84,329.59 <hr/>	286,046.38 <hr/>
194,036.30 <hr/> 13,449,936.30			17,832,474.38
<hr/>			
<h4 style="text-align: center;">TOLAK PERBELANJAAN</h4>			
<div style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> 5,608,582.95 760,554.13 686,752.96 1,482.24 </div>	Gaji, Elaun dan Kos Kakitangan Gaji dan upahan Elaun Kakitangan Caruman Lain-lain Kos Kakitangan	7,919,998.50 1,046,451.62 947,055.17 4,572.00 <hr/>	9,918,077.29
7,057,372.28			
<hr/>			
<div style="border: 1px solid black; padding: 2px;"> 2,304,424.03 121,713.86 380,383.31 192,426.69 795,795.58 222,702.00 7,823.46 281,252.56 19,827.53 507,877.20 119,492.21 958,557.22 </div>	Perkhidmatan dan Bekalan Pengangkutan dan Perjalanan Pengangkutan Barang Perhubungan Air dan Api Sewaan Percetakan dan Penerbitan Barang Contoh Petrol dan Diesel Keperluan Perpustakaan Alatulis dan Bekalan Pejabat Penyelenggaraan Pejabat dan Mesin Susutnilai	2,513,682.82 94,421.24 443,579.97 207,600.26 1,413,772.60 106,557.64 5,321.26 457,901.85 19,357.78 497,698.80 412,433.05 1,668,012.24 <hr/>	7,840,339.51
5,912,275.65			

PERKHIDMATAN IKTISAS DAN LAIN PERKHIDMATAN

82,546.18	Perubatan	131,430.51	
30,100.00	Audit	20,000.00	
7,436.93	Peguam	5,528.70	
112,178.61	Latihan	198,071.64	
70,010.48	Iklan	55,277.04	
958.10	Prosesan Data	5,005.40	
572,979.47	Lain-lain Perkhidmatan	461,076.97	
20,952.86	Keraian	11,492.63	
139,098.15	Faedah Pinjaman Perumahan	-	
<u>1,036,260.78</u>			<u>887,882.89</u>
14,005,908.71	Jumlah Perbelanjaan		<u>18,646,299.69</u>
555,972.41			813,825.31
-	Campur: Kehilangan Wang	1,458.79	
(727.27)	Pelarasan Akaun (Nota 12.1)	138,069.25	
(727.27)		<u>139,528.04</u>	
<u>555,245.14</u>	Perbelanjaan Melebihi Pendapatan		<u>953,353.35</u>

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
MALAYSIA**

**KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 1982**

1981		KOS	SUSUTNILAI TERKUMPUL	JUMLAH BERSIH
121,585.44	Harta Tetap	<u>1,548,233.16</u>	<u>311,131.58</u>	1,237,101.58
HARTA SEMASA				
12,106,743.11	Siberhutang Pelbagai		12,016,879.68	
1,100.00	Pertaruhan Bayaran		1,610.00	
1,500.00	Bayaran Terdahulu		-	
1,572,025.70	Wang Di Bank		<u>1,544,327.88</u>	
13,681,368.81				<u>13,562,817.56</u>
<u>13,802,954.25</u>				<u>14,799,919.14</u>
11,343,877.50	Kumpulan Wang Pembangunan			12,490,991.81
TANGGUNGAN JANGKAMASA PANJANG				
1,319,620.00	Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan			1,319,620.00
TANGGUNGAN SEMASA				
631,167.99	Sipiutang Pelbagai		680,026.34	
300.00	Wang Pertaruhan Penerimaan		300.00	
507,988.76	Akruan		<u>308,980.99</u>	
1,139,456.75				989,307.33
<u>13,802,954.25</u>				<u>14,799,919.14</u>

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

**KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
(PEMBIAYAAN PROJEK SECARA LANGSUNG)
PADA 31HB. DISEMBER, 1982**

1981			
13,182,430.35	Baki pada 1.1.1982		11,343,877.50
Campur			
48,212.50	Pembatalan cek 1981	-	
30,854,000.00	Pemberian dari Kerajaan	25,050,000.00	
154,210.47	Faedah dari kira-kira semasa	52,787.10	
11,900.00	Lain-lain pendapatan	3,200.00	
31,068,322.97			25,105,987.10
44,250,753.32			36,449,864.60
Tolak: Perbelanjaan			
393,834.48	Lori Biasa	1,668,176.14	
495,072.26	Lori Hawa Dingin	292,097.80	
97,591.71	Toyota Land Cruiser (Rancangan Melatih Petani)	-	
16,964,825.43	Wang Pusingan	8,525,000.00	
1,717,262.33	Pusat Pemasaran Hasil Pertanian	921,224.99	
577,835.87	Pusat Memproses Kelapa Kering	363,989.49	
1,677,968.48	Pusat Memproses Minyak Kelapa	405,598.89	
1,205,167.31	Pusat Memproses Menggred Koko	2,718,240.41	
35,010.40	Kilang Memproses Kopi Banting	60,836.20	
-	Kilang Kacang Tanah	200,000.00	
8,270,979.34	Bilik Sejuk	6,288,594.76	
89,609.36	Rumah Pengurus	61,298.00	
160,598.81	Galakan Pasaran	200,389.21	
472,760.97	Perkembangan	403,428.91	
60,137.00	Sistem Komputer	17,205.30	
645,624.79	Penyelidikan dan Penyiasatan	1,317,847.21	
-	Rancangan Melatih Petani	69,374.90	
32,864,278.54		23,513,302.21	
Campur			
42,597.28	Susutnilai tahun 1982	49,489.65	
-	Pelarasan akaun (Nota 12.2)	396,080.93	
32,906,875.82		445,570.58	
11,343,877.50	Baki pada 31.12.1982		23,958,872.79
			12,490,991.81

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
MALAYSIA**

**KUNCI KIRA-KIRA KUMPULAN WANG PERUMAHAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1982**

1981	HARTA SEMASA	
1,656,088.06	Siberhutang	564,983.15
226,023.57	Wang Di Bank	1,134,064.88
<hr/>		<hr/>
1,882,111.63		1,699,048.03
<hr/>		<hr/>
	KUMPULAN WANG TERKUMPUL	
1,730,000.00	Baki pada 1.1.82	1,650,000.00
80,000.00	Tolak: Bayaran balik kepada Perbendaharaan	229,768.38
<hr/>		
1,650,000.00		1,420,231.62
232,111.63	Sipiutang	278,816.41
<hr/>		<hr/>
1,882,111.63		1,699,048.03
<hr/>		<hr/>

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
MALAYSIA**

**KUMPULAN WANG PERNIAGAAN
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 1982**

1981	HARTA TETAP	KOS	SUSUTNILAI TERKUMPUL	
47,612.40	Perabut dan alat-alat	138,654.10	39,913.57	98,740.53
	HARTA SEMASA			
10,920,462.26	Wang pusingan			13,246,877.81
3,417,080.08	Stok		2,874,876.33	
33,797.48	Stok bahan-bahan		21,786.87	
71,108.00	Stok dalam perjalanan		164,309.74	
2,935,877.91	Siberhutang Perniagaan	4,818,668.16		
259,969.40	Siberhutang Pendahuluan	261,769.01		
257,635.18	Siberhutang Input	257,635.18		
3,453,482.49		5,338,072.35		
778,000.00	Tolak: Peruntukan Hutang Lapuk	1,010,080.00		
2,675,482.49			4,327,992.35	
902.98	Siberhutang Pengangkutan		902.98	
427,975.75	Siberhutang Pelbagai		775,810.37	
8,926.70	Pendahuluan Kakitangan		8,415.35	
4,290.00	Cagaran		12,810.00	
-	Bayaran Terdahulu		5,122.67	
-	Akaun Tergantung		620.13	
2,065,422.43	Wang Dalam Bank		6,499,047.38	
58,152.88	Wang Dalam Perjalanan		164,810.63	
51,239.37	Wang Tunai		54,195.14	
8,814,378.16				14,910,699.94
19,782,452.82				28,256,318.28
19,501,062.53	Wang Pusingan			28,033,657.37
1,315,926.52	Tolak: Kerugian Terkumpul			
135,392.73	Baki pada 1.1.1982	1,451,319.25		
1,451,319.25	Campur: Kerugian Semasa	2,067,196.85		
-			3,518,516.10	
333,900.22	Subsidi Kopi pada 1.1.1982	333,900.22		
333,900.22	Campur: Subsidi Semasa	692,718.85		
-			1,026,619.07	
1,785,219.47	Campur: Subsidi Susu Semasa		121,403.46	
17,715,843.06				4,666,538.63
470,000.00	Pendahuluan dari Kumpulan Wang Pembangunan			23,367,118.74 470,000.00
	TANGGUNGAN SEMASA			
1,294,533.80	Sipiutang		3,705,661.50	
298,777.44	Sipiutang Pelbagai dan Akruan		710,239.52	
3,298.52	Sipiutang Pengangkutan		3,298.52	
1,596,609.76				4,419,199.54
19,782,452.82				28,256,318.28

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

KUMPULAN WANG PERNIAGAAN PENYATA AKAUN UNTUNG DAN RUGI UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 1982

1981			
10,261,564.08		Jualan	18,907,805.45
809,853.06		Tolak: Kos Jualan	
12,429,486.15		Stok pada 1.1.1982 (Nota 13.1)	3,422,332.08
13,239,339.21		Campur: Belian	19,348,303.51
3,417,080.08			22,770,635.59
		Tolak: Stok pada 31.12.82	2,874,876.33
9,822,259.13			19,895,759.26
(439,304.95)		Kerugian Kasar	987,953.81
		Campur: Perbelanjaan Tadbir & Jualan	
350,720.57		Gaji dan Upahan	678,705.16
-		Pampasan Kerja	2,534.00
184.54		Tuntutan Perjalanan	4,666.44
32,384.58		Bayaran Eksport	158,753.08
178,251.13		Pengangkutan	93,870.78
34,261.50		Insurans	62,450.48
141,919.10		Pembungkusan	276,987.99
-		Fumigasi	10,150.55
59,842.47		Sewa	107,221.80
13,013.43		Iklan	9,330.85
49,244.85		Bekalan dan Alat Perniagaan	77,909.62
3,948.43		Cetak dan Alat Tulis	1,031.24
5,224.45		Bayaran Bank	12,405.56
1,008.60		Keraian	1,661.10
-		Penyelenggaraan Alatan	2,730.54
10,794.52		Susutnilai	24,620.18
-		Hutang Lapuk	232,080.00
54,170.52		Pelbagai	59,117.68
934,968.69			1,816,227.05
495,663.74		Kerugian Bersih Perniagaan	2,804,180.86
-		Campur: Pelarasan Akaun (Nota 12.3)	63,785.69
(26,370.79)		Lain-lain pendapatan	(108,050.85)
(26,370.79)			(44,265.16)
469,292.95		Jumlah Kerugian Bersih	2,759,915.70

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(FEDERAL AGRICULTURAL MARKETING AUTHORITY)
MALAYSIA**

**PUSAT-PUSAT MEMPROSES FAMA
KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN PADA 31HB. DISEMBER, 1982**

1981	HARTA	KOS	SUSUTNILAI TERKUMPUL	BAKI
4,266,560.60	Harta Tetap	<u>6,221,015.80</u>	<u>799,019.01</u>	5,421,996.79
	HARTA SEMASA			
6,982,824.97	Stok		5,376,199.26	
1,568,264.30	Siberhutang		4,269,212.67	
23,973.96	Siberhutang Pelbagai		12,304.30	
160,475.26	Siberhutang Pendahuluan		146,100.35	
3,383.70	Siberhutang Pengangkutan		4,813.40	
3,164.23	Pendahuluan Pekerja		1,814.23	
800.00	Pertaruhan		7,189.00	
30,503.92	Bayaran Terdahulu		22,503.75	
510,379.61	Wang di Bank		997,066.10	
36,294.52	Wang Runcit		27,964.34	
-	Wang Dalam Perjalanan		<u>12,606.92</u>	
9,320,064.47				10,877,774.32
15,874.21	Akaun Tergantung			<u>15,874.21</u>
<u>13,602,499.28</u>				<u>16,315,645.32</u>
17,340,837.14	Modal			<u>21,344,926.53</u>
	Tolak: Kerugian Terkumpul			
1,410,412.09	Baki pada 1.1.1982	3,156,214.98		
